



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2016**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN  
DAN PENSYARAH PERGIGIAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN**

2. Skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:
- (a) skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan ditambah satu (1) lapisan gred baharu bagi Pensyarah Perubatan (Pakar) iaitu Gred DU55/56; dan

- (b) skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian ditambah satu (1) lapisan gred baharu bagi Pensyarah Pergigian (Pakar) iaitu Gred DUG55/56.
3. Skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **B**. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) yang baharu adalah seperti di **Lampiran C** dan **D**.

#### **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

4. Pindaan ini juga melibatkan penetapan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Bayaran Insentif Pakar (BIP) bagi Pensyarah Perubatan Gred DU55/56 dan Pensyarah Pergigian Gred DUG55/56.
5. Senarai elaun dan kemudahan bagi Pensyarah Perubatan Gred DU55/56 dan Pensyarah Pergigian Gred DUG55/56 adalah seperti di **Lampiran E**.

#### **PELAKSANAAN**

6. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini.
7. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2017**.

## **PEMBATALAN**

9. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

21 Disember 2016

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Akauntan Negara Malaysia  
Ketua Audit Negara  
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi  
Naib Canselor Universiti Awam